



Faculty of Applied and Creative Arts

**PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM BIDANG
TEATER DI SABAH**

**Nurakmaniza Binti Jamil
34508**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

2016

**PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM BIDANG TEATER DI
SABAH**

**NURAKMANIZA BINTI JAMIL
34508**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

NURAKMANIZA BINTI JAMIL, 34508, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF
I.....hereby
declare that the work entitled.....
PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM BIDANG

TEATER DI SABAH
.....is my original work. I have not
copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or
acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another
person.

Date submitted

NURAKMANIZA BINTI JAMIL (34508)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

ENCIK MAZDAN ALI AMARAN
I..... hereby certifies that
the work entitle.....
PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM BIDANG
TEATER DI SABAH
.....was prepared by the above named
student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment
of... **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**...an
d the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **ENCIK MAZDAN ALI AMARAN** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**NO.7017, TAMAN SEMARAK,
LRG.29, JALAN KUHARA,
91000,TAWAU,
SABAH**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Penglibatan Golongan Belia Dalam Bidang Teater Di Sabah**” telah disediakan oleh **Nurakmaniza Binti Jamil** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Mazdan Ali Amaran)

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pameran dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(NURAKMANIZA BINTI JAMIL)

34508

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, segala puji bagi Allah S.W.T, pertama sekali saya ingin berterima kasih kepada keluarga saya yang telah banyak memberi semangat dan dorongan untuk menyiapkan kajian ini. Kepada kedua orang anak Dhia dan Dina, insan-insan yang menjadi motivasi paling besar dalam diri saya untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada penyelia projek tahun akhir iaitu Encik Mazdan Ali Amaran. Saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga atas tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini dari bermulanya kajian ini dijalankan sehinggalah proses menjilid.

Ribuan terima kasih juga kepada responden yang telah bekerjasama menjawab borang soal selidik yang telah saya sediakan semasa proses pengumpulan data. Meskipun terdapat kekangan dalam mendapatkan kerjasama daripada pihak responden, saya tetap menghargai usaha mereka dalam menjawab semua soalan.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar dalam segala aspek untuk menyiapkan projek ini sangat saya hargai. Dari sudut pandangan tentang menjana idea kajian sehinggalah aspek kritikal dalam menyiapkan kajian ini.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iv
Abstract	v
Senarai Rajah	vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Singkatan	ix

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Kerangka Kajian	14
1.5 Skop Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Limitasi Kajian	17
1.8 Rumusan	19

BAB 2: KUPASAN KESUSASTERAAN

2.0 Pendahuluan

2.1 Teater	21
2.2 Belia di Malaysia	25
2.3 Penglibatan Belia dan Bidang Seni Persembahan	29
2.4 Persepsi Masyarakat Terhadap Bidang Teater	30
2.5 Penyelidikan dan Pembangunan dalam Bidang Seni Persembahan	33
2.6 Rumusan	36

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

3.1 Reka Bantuk Kajian	37
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	39
3.3 Kaedah Analisis Data	43
3.4 Lokasi Kajian	44
3.5 Pensampelan	45
3.6 Rumusan	45

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

4.1 Maklumat Responden	47
4.2 Ujian Kebolehpercayaan	59
4.3 Perbandingan Min	61
4.4 Analisis Perbandingan	68
4.5 Korelasi	74
4.6 Rumusan	84

BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.0 Pendahuluan

5.1 Perbincangan	85
5.2 Cadangan	89
5.3 Rumusan	96

RUJUKAN	97
---------	----

LAMPIRAN	105
----------	-----

Abstrak

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penglibatan golongan belia dalam bidang teater yang meliputi elemen faktor, peranan dan kesan penglibatan belia. Pengumpulan data dilakukan menerusi data primer dan data sekunder. Borang soal selidik telah diedarkan sebanyak 200 set kepada responden secara rawak. Pada masa yang sama, pengumpulan data turut dilakukan secara borang atas talian. Pengkaji turut menggunakan data sekunder dalam proses mendapatkan data. Kajian ini telah dijalankan di beberapa kawasan di sekitar Sabah seperti Tawau, Semporna, Lahad Datu, Kota Kinabalu, Sandakan dan Ranau. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis data hasil dapatan adalah melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 20.0. Hasil daripada dapatan, pengkaji mendapati bahawa faktor minat merupakan faktor dominan yang menyebabkan belia melibatkan diri dengan bidang teater.

Abstract

The main objective of this study was to investigate the involvement of youths in the theater that includes elements of factors, the role and impact of youth involvement. The data was collected through primary and secondary data. Questionnaires were distributed to 200 respondents randomly set. At the same time, data collection was done in the online form. Researchers also use secondary data in the process of getting data. The study was conducted in several areas in Sabah such as Tawau, Semporna, Lahad Datu, Kota Kinabalu, Sandakan and Ranau. The method used to analyze the data findings is through quantitative methods using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 20.0. As a result of the findings, the researchers found that the factor of interest is the dominant factor that led to the youth involved with the theater.

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
1.1 Kerangka Kajian	14
3.1 Model Kajian	38
4.1 Jantina	47
4.2 Kumpulan Umur	48
4.3 Bangsa	49
4.4 Taraf Pendidikan	51
4.5 Jenis Teater Yang Diceburi	52
4.6 Mula Terlibat Dengan Teater	53
4.7 Faktor Motivasi	55
4.8 Faktor Minat	56
4.9 Cetuskan Idea Baru dan Kreatif	57
4.10 Peluang Pekerjaan	58

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
3.1 Skala Likert	41
4.1 Bangsa	49
4.2 Status	50
4.3 Taraf Pendidikan	50
4.4 Jenis Teater Yang Diceburi	52
4.5 Mula Terlibat Dengan Teater	53
4.6 Faktor Motivasi	55
4.7 Faktor Minat	56
4.8 Cetuskan Idea Baru dan Kreatif	57
4.9 Peluang Pekerjaan	58
4.10 Ujian Kebolehpercayaan Keseluruhan Item	59
4.11 Ujian Kebolehpercayaan Mengikut Bahagian	60
4.12 Perbandingan Min Faktor	61
4.13 Perbandingan Min Peranan	63
4.14 Perbandingan Min Kesan	65
4.15 Perbandingan Min Faktor dan Kumpulan Umur	67
4.17 Perbandingan Faktor dengan Jenis Penglibatan	69
4.18 Perbandingan Faktor Bakat dengan Jenis Penglibatan	71
4.19 <i>Chi Square Test</i> Faktor Bakat dengan Jenis Penglibatan	72
4.20 Perbandingan Faktor Minat dengan Jenis Penglibatan	73

4.21 Petunjuk Korelasi	75
4.22 Petunjuk Faktor	75
4.23 Korelasi Faktor	76
4.23 Petunjuk Korelasi Peranan	78
4.24 Korelasi Peranan	78
4.25 Petunjuk Korelasi Kesan	81
4.26 Korelasi Kesan	81

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

KLPC	: Kuala Lumpur Performance Art Centre
ASWARA	: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
UNIMAS	: Universiti Malaysia Sarawak
UMS	: Universiti Malaysia Sabah
UM	: Universiti Malaya
UPM	: Universiti Putra Malaysia
UiTM	: Universiti Teknologi Mara
R&D	: Research and Development
ESCAP	: Economic and Social Council for Asia and the Pacific
PBB	: Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
ETP	: Economic Transformation Programme
NKEA	: National Key Economic Area
CAIS	: Centre for Academic Information Services
SPSS	: Statistical Package for the Social Science
STPM	: Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
PT3	: Pentaksiran Tingkatan Tiga
TEMASA	: Teater Malaysia Sabah

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan secara ringkas mengenai tajuk yang telah dikaji iaitu berkaitan dengan penglibatan golongan belia dalam seni pementasan teater di Sabah. Aspek yang dikaji dalam bab ini meliputi sejarah ringkas teater di Malaysia dan Sabah khususnya, isu yang dibangkitkan dalam kajian, objektif kajian, kerangka kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan limitasi kajian. Kajian ini akan menyentuh mengenai faktor, peranan serta kesan daripada penglibatan golongan belia dalam seni bidang teater.

1.1 Latar Belakang Kajian

Teater di negara kita berkembang mengikut peringkat dan bermula dengan teater berbentuk tradisional seperti Wayang Kulit, Mak Yong, Menora dan Mek Mulung. Namun begitu, kemasukan seni hiburan dari negara barat menyebabkan seni persembahan teater tradisi kian merosot. Tiada tarikh sebenar tentang kewujudan teater di Malaysia. Namun begitu, menurut Laliman Kemad dalam bukunya yang bertajuk “Teater Moden Sabah”, teater tradisional hanya bermula pada tahun 1940-an diikuti teater moden pada tahun 1960-an (Laliman Kemad, 2006).

Teater tradisional di Sabah dianggap bermula melalui acara ritual dan upacara-upacara pemujaan (proto-teater). Teater tradisional yang ada pada hari ini merupakan kesinambungan teater tradisi masa lampau, malah semakin berkembang. Sumayau, Sumazau, Pangalai, Berunsai, Bubu Mengalai, Ajung Berlabuh dan Mengigol antara teater tradisi yang wujud di Sabah (Laliman Kemad, 2006)

Menurut Lansing dan Kenneth dalam kajian yang dilakukan oleh Ab Samad Kechot dan Sabzali Musa Kahn (2011), pementasan teater meliputi organisasi kerja produksi secara berperingkat kerana menjadi salah satu hasil karya seni yang cukup istimewa dengan menyelitkan elemen kesenian dan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat. Teater yang dipentaskan memiliki peranan yang cukup penting sebagai medium untuk mendidik masyarakat sekaligus mampu memberikan kesedaran terhadap emosi, perasaan, tingkah laku dan lain-lain.

Tidak dinafikan bahawa aktiviti pementasan teater semakin rancak berkembang disebabkan oleh perkembangan pesat produksi teater itu sendiri. Kini, terdapat banyak tempat yang mengadakan pementasan teater. Antaranya Istana Budaya, KLPAC, ASWARA, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan banyak lagi. Universiti di Malaysia juga ada yang menyediakan ruang untuk mahasiswa berteater seperti UNIMAS, UMS, UM, UPM, UiTM dan beberapa institusi pengajian yang lain (Fasyali Fadzly, 2012).

Namun begitu, kecanggihan serta perubahan besar dalam industri seni negara belum mampu menjadikan teater sebagai suatu industri yang berjaya. Kenyataan tersebut dikeluarkan sendiri oleh Ketua Pengarah Istana Budaya, Datuk Seri Mohamed Juhari Shaarani (Bernama, 2015). Pada amnya, sebuah industri merupakan suatu bidang pekerjaan yang dianggap mampu bersaing dengan sektor lain malah mampu menyediakan ruang pekerjaan dengan lebih banyak, menjana pendapatan yang lumayan seterusnya menjana ekonomi negara.

Pengkaji telah mengambil inisiatif untuk memfokuskan kajian kepada “Penglibatan Golongan Belia dalam Bidang Teater di Sabah”. Melalui kajian ini, pengkaji akan mengupas dengan lebih mendalam faktor belia melibatkan diri dengan bidang teater, peranan mereka sebagai belia dalam memajukan bidang seni teater serta impak penglibatan golongan belia dalam bidang ini.

1.1.1 Definisi Jenis Teater

a) Mengaloi

Pada literalnya bermaksud “menari” merupakan satu kaedah perubatan tradisional dalam bentuk drama tari. Mengaloi memiliki pengertian yang simbolik. Ketika upacara perubatan dilakukan, roh atau semangat mestilah ditenteramkan dengan pelbagai persembahan seperti tarian, sajian, muzik, mayang, mahligai, ajung, wangi-wangian dan lain-lain. Drama tari merupakan acara kemuncak bagi acara mengaloi. Mengaloi amat mementingkan konteks keagamaan dalam persembahan yang seakan-akan acara “main puteri” (Laliman Kemad, 2006).

b) Monodrama

Pementasan berskala kecil menjadi pilihan produksi kerana hanya memerlukan tenaga produksi yang kecil dan kos pementasan yang kecil. Namun di Malaysia, tidak banyak kumpulan atau produksi yang mementaskan monodrama sebagai pementasan tunggal. Alasannya, kesukaran untuk mendapatkan pelakon yang mampu berlakon secara solo (Yusof Bakar, 2013). Samat Salleh (2013) dalam sebuah majalah Pentas keluaran Istana Budaya mengatakan bahawa pementasan monodrama bersifat monolog. Evreinov (1927) dalam buku bertajuk *The Theatre in Life* pula berkata bahawa monodrama merupakan drama yang dilakonkan oleh seorang pelakon sahaja.

c) Muzikal

Merupakan bentuk pementasan teater yang menggabungkan dialog, lagu, muzik dan tarian. Hasil gabungan elemen kesenian tersebut mampu menghasilkan pelbagai emosi seperti lucu, cinta, marah, kasih sayang, geram dan sedih (Zainuri Misfar, 2009). Terdapat beberapa jenis kumpulan persembahan dalam teater muzikal iaitu opera, komedi, muzikal dan aneka hiburan (Edwin Wilson, 2001).

d) Sumazau

Sumazau adalah sejenis tarian tradisi masyarakat pribumi Sabah iaitu suku kaum Dusun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994). Kini, tarian Sumazau sering dikaitkan dengan Tadau Kaamatan atau Perayaan Pesta Menuai. Tarian ini dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian untuk tontonan umum. Tarian ini turut dijadikan acara yang akan memeriahkan majlis perkahwinan. Sumazau dikaitkan dengan upacara pemujaan semangat padi.

1.2 Permasalahan Kajian

Masalah merupakan suatu yang rencam dalam dunia pementasan teater sejak kewujudannya di tanah Melayu amnya di Sabah, malah masih berterusan sehingga ke hari ini. Permasalahan yang melanda bidang teater ibarat lalang yang tumbuh, ditebas hari ini, esok atau lusa akan tumbuh lagi. Melainkan ada tindakan efektif dilakukan untuk mengekang isu ini daripada terus berlarutan. Pelbagai faktor yang mencetuskan permasalahan ini. Antaranya ialah:

i. Sabah Masih Dibelenggu Kekurangan Khalayak dan Penggiat.

Kekurangan penonton sebenarnya disebabkan oleh dua faktor asas iaitu golongan penonton kebanyakannya terdiri daripada golongan tua dan kanak-kanak yang tidak memahami makna sebenar teater. Mereka menganggap teater sebagai hiburan semata-mata. Keduanya ialah disebabkan oleh penggiat teater itu sendiri. Masalah tersebut mungkin sahaja disebabkan mutu skrip yang sederhana, kurang keyakinan untuk berteater, kurangnya penggiat yang benar-benar memperjuangkan teater itu sendiri ataupun hanya mencari pementasan teater berskala besar sahaja untuk berkarya. Meninggalkan teater berskala kecil menyebabkan masyarakat tidak dapat mengenali erti teater sebenar kerana tiada pendedahan secara langsung mengenai teater.

“Penonton dan penghibur teater merupakan dua elemen asas dalam persembahan teater dan saling memerlukan”. Kenyataan tersebut diutarakan oleh Jonathan player di dalam buku bertajuk *The Theatre Experience* oleh Edwin Wilson (2011). Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa penghibur teater dan penonton teater merupakan dua elemen yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Ketiadaan tempat yang sesuai untuk pementasan teater berskala kecil menjadi permasalahan yang menyumbang kepada kekurangan penggiat dan penonton teater di negeri ini. Meskipun penubuhan Istana Budaya yang siap dibina pada tahun 1998 dianggap mampu memartabatkan bidang teater negara, namun pementasan teater negara masih dilanda dilemma, lebih-lebih lagi di negeri Sabah.

Bukan itu sahaja, kerajaan juga telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengembangkan teater ke saentero negara dengan menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Penerangan agar masyarakat mengambil berat dengan seni persembahan teater ini sama seperti bidang lain. Namun begitu, usaha tersebut seakan-akan kian malap dan kurang membuahkan hasil. Hal ini menunjukkan industri seni persembahan teater masih lemah (Arkib, 1999).

Melalui kenyataan tersebut, dapat diandaikan bahawa penggiat teater lebih menumpukan Istana Budaya sebagai platform yang strategik untuk berkarya. Hal ini menyebabkan Sabah dilanda kekurangan penggiat teater yang seharusnya juga mampu memeriahkan pementasan teater di tempat sendiri. Kekurangan penggiat teater menyebabkan pementasan teater juga kurang sekaligus teater tidak mampu berkembang. Kekurangan aktiviti berteater disebabkan kekurangan penggiat teater telah memberikan kesan besar kepada jumlah penonton teater.

Bagi pengkaji, kewujudan pentas yang mewah dan penubuhan badan-badan pelaksana untuk bidang seni tidak bermakna jika penggiat tidak menumpukan sepenuh perhatian dalam proses mengembangkan teater di tempat sendiri. Hal ini kerana, teater juga diperlukan di bandar-bandar kecil sebagai suatu medium seni yang memiliki pelbagai elemen sosial. Ketiadaan pementasan menyebabkan teater tidak akan dikenali dengan lebih mendalam.

Meskipun peruntukan diberi untuk memajukan industri seni Sabah, namun kemeriahan seni persembahan tidak dirasakan di setiap pelusuk negeri Sabah. Menurut seorang aktivis teater dan penerima SEA White Awards, Zakaria Arrifin (2014), isu utama yang dialami bidang persembahan teater tanah air ialah keghairahan penggiat teater untuk mementaskan teater dalam skala besar dan hanya mensasarkan Istana Budaya sebagai lokasi pementasan yang paling strategik (Azman Ismail, 2007).

ii. Kurangnya Usaha Untuk Memajukan Seni Pementasan Teater di Sabah.

Kini Malaysia menghadapi cabaran yang lebih besar untuk mementaskan teater. Jika difikirkan secara logik, Istana Budaya lebih kerap mementaskan teater muzikal sehinggakan ada yang bertanya sinis, di mana perginya teater? Aktivis teater Khalid Salleh berpendapat, sudah timbul satu *trend* menjadikan apa sahaja persembahan teater berbentuk muzikal sehingga meninggalkan fungsi teater sebenar (Sy Mussaddad Mahdi, 2009). Sejak Festival Teater Malaysia berwajah baharu pada tahun 2002, menurut rumusan penjurian 2014, “Mutu persembahan masih tidak meningkat”. Malah semakin merosot daripada tahun 2012, kata Rosnan Nordin (Rosnan Nordin, 2014).

Melalui isu yang timbul iaitu pementasan teater hanya tertumpu di bandar-bandar besar telah memberikan aspirasi kepada pengkaji untuk menimbulkan permasalahan yang ingin dikaji iaitu kurang usaha untuk memajukan seni teater di Sabah. Pengkaji sendiri tertanya-tanya, mengapa aspek memajukan dan mengembangkan bidang teater harus dilakukan di bandar besar semata-mata. Masyarakat Sabah juga perlu mendapat pendidikan sewajarnya mengenai bidang teater. Masyarakat Sabah juga perlu tahu apa sebenarnya bidang teater. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Sabah jauh ketinggalan mengenai hiburan berbentuk teater.

Pada tahun 2014, timbul satu isu mengatakan bahawa teater komersial yang lebih banyak dipentaskan di Istana Budaya. Banyak agensi yang mempertikaikan agensi tersebut dengan menganggap Istana Budaya telah lari daripada objektif utama penubuhannya untuk memartabatkan seni persembahan teater (Mohamed Juhari, 2014).